

28 SEP 2002

NIK AZIZ TETAP MOHON MAAF MELALUI CERAMAH

KOTA BAHARU, 28 Sept (Bernama) -- Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat belum menetapkan tarikh ceramah yang beliau akan meminta maaf secara terbuka kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana tersalah cakap apabila mengatakan Dr Mahathir tidak tahu membaca Al-Quran.

Bagaimanapun beliau menegaskan permohonan maaf itu akan tetap dibuat ketika beliau berceramah.

"Ceramah mana tak tentu...kalau ceramah saya hari ini saya tak sebut minta maaf...balik lah...bila ada ceramah lain datanglah balik mungkin saya sebut dalam ceramah tu tetapi kalau tak sebut juga baliklah," katanya ketika merasmikan perhimpunan muslimat PAS Kelantan di Pusat Tarbiah Islamiah Kelantan (Putik) di sini, hari ini.

Semalam, Nik Aziz menyatakan kesediaannya memohon maaf secara terbuka kepada Perdana Menteri melalui ceramahnya akan datang dan meminta pihak media massa menyiarkannya.

Rabu lepas, beliau dilaporkan berkata apa yang sebenarnya ingin dikatakan beliau ialah Dr Mahathir tidak tahu berbahasa Arab.

Nik Aziz yang juga Mursyidul Am PAS berkata beliau membuat keputusan untuk memohon maaf melalui ceramah berikutan ada pihak yang terus mendesak beliau memohon maaf secara terbuka dalam ceramah yang dihadiri penyokong PAS.

"Saya telah buat penjelasan yang saya tersalah cakap (terhadap Dr Mahathir)...saya dah mengaku tetapi dia orang desak saya minta maaf secara terbuka dalam ceramah...ikut sayalah ceramah mana satu," katanya.

-- BERNAMA

BD PR